



MAJLIS ISLAM SARAWAK

NEWSLETTER

MAJLIS ISLAM SARAWAK

EDISI JULAI/2025



**KEJOHANAN
SUKAN MATTARY
2025**

**KEMBARA RASUL
IIC-MIS DEKATKAN
BELIA MIRI DENGAN
SIRAH NABI**

**INTERNATIONAL
SEMINAR ON
HUMANITY &
CLIMATE CHANGE
CRISIS 2025**

+6082-507251

<https://mis.sarawak.gov.my>





2025

INTERNATIONAL SEMINAR ON HUMANITY & CLIMATE CHANGE CRISIS 2025

KUCHING, 29 Julai 2025 – Satu seminar antarabangsa yang memberi tumpuan kepada dimensi manusia dalam krisis perubahan iklim telah berlangsung di Kuching baru-baru ini, bersempena dengan ulang tahun ke-70 penubuhan Majlis Islam Sarawak (MIS).

Seminar yang bertajuk “Seminar Antarabangsa mengenai Kemanusiaan dan Krisis Perubahan Iklim: Perspektif Multidimensi” ini dianjurkan bersama oleh MIS, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), dan Kementerian Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar Sarawak (MEESTy).

Seminar yang diadakan pada 29 dan 30 Julai di Dewan Kompleks Islam Sarawak lepas telah menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan dari dalam dan luar negara. Antara yang hadir adalah pembuat dasar, saintis, cendekiawan, pemikir, ahli akademik, wakil kerajaan, NGO, pemimpin komuniti, dan pelajar.

Objektif utama seminar adalah untuk membincangkan secara mendalam aspek-aspek penting dalam menangani cabaran alam sekitar global, terutamanya dari sudut pandang manusia yang sering kali terlepas pandang dalam perbincangan perubahan iklim.

Antara yang hadir termasuklah Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar Sarawak, Datuk Dr Hazland Abang Hipni, Yang di-Pertua Majlis Islam Sarawak, Datuk Misnu Taha, Mufti Sarawak, Datu Kipli Yassin, Timbalan Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Profesor Emeritus Dato Dr Mohd Yusof Othman dan Ketua Pengarah IKIM, Profesor Madya Dato Dr Mohamed Azam Mohamed Adil.





KEJOHANAN SUKAN MATTARY 2025



KUCHING, 24 Julai 2025 – Rumah Biru telah dinobatkan sebagai johan keseluruhan Kejohanan Sukan MATTARY Kali Ke-4 yang berlangsung selama dua hari bermula 23 Julai hingga 24 Julai di Stadium Negeri Sarawak. Kejayaan ini dicapai setelah menewaskan tiga rumah sukan lain dalam pelbagai acara yang dipertandingkan.

Kejohanan yang mempamerkan semangat kesukanan yang tinggi ini telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Datuk Haji Misnu bin Haji Taha. Sebanyak 42 acara sukan yang melibatkan acara balapan dan sukaneka telah dipertandingkan, dengan tujuan utama untuk memastikan semua murid MATTARY menjalinkan hubungan baik dan kerjasama berpasukan yang padu.

Dalam kedudukan akhir, Rumah Biru berjaya menduduki tangga teratas, diikuti rapat oleh Rumah Merah di tempat kedua. Sementara itu, Rumah Hijau berada di tempat ketiga dan Rumah Kuning melengkapkan senarai di tempat keempat.

Penganjuran kejohanan ini bukan sekadar platform untuk persaingan sihat, malah turut bermatlamat untuk membina generasi pelajar yang sihat, cergas, dan cerdas melalui proses bersukan. Kejayaan program ini jelas terbukti melalui sambutan yang memberangsangkan daripada semua pihak yang terlibat.

Majlis penutupan turut menyaksikan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan atlet terbaik yang diiktiraf atas prestasi cemerlang mereka sepanjang kejohanan.



KEMBARA RASUL IIC-MIS DEKATKAN BELIA MIRI DENGAN SIRAH NABI

MIRI, 23 Julai 2025- Siri jelajah Kembara Rasul IIC-MIS, sebuah program di bawah inisiatif Islamic Information Centre, Majlis Islam Sarawak (IIC-MIS) telah memulakan siri jelajahnya di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Miri pada 23 Julai 2025 lepas. Program pendidikan ini diadakan di Surau Al-Jawahir dengan fokus utama peristiwa Isra' dan Mikraj.

Program ini bertujuan untuk mendidik golongan muda tentang pengajaran dan hikmah yang terkandung dalam perjalanan spiritual Nabi Muhammad SAW. Acara sulung ini membawa tajuk "Awal Langit Mikraj: Fitrah, Dakwah dan Keampunan", yang menghuraikan nilai-nilai penting yang boleh diambil daripada peristiwa bersejarah tersebut.

My Prophet Series merupakan platform pendidikan komprehensif yang diwujudkan untuk memperkukuh pemahaman peserta terhadap sejarah Islam. Dengan menggabungkan elemen pendidikan dan spiritual, program ini berfungsi sebagai wadah interaktif bagi peserta untuk mendalami sirah dan akhlak para Nabi dan Rasul.



Program ini direka khas untuk mencapai tiga objektif utama iaitu:

- Memahami Kehidupan Para Nabi dan Rasul: Menyediakan ruang untuk peserta mendalami kisah-kisah utusan Allah.
- Memupuk Nilai Peribadi dan Akhlak Terpuji: Mendorong peserta untuk menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni yang dicontohi oleh para Nabi.
- Mempermudah Pembelajaran Sirah Islam: Menggunakan kaedah yang mudah dan interaktif untuk membantu peserta memahami sirah Islam dengan lebih mendalam.

Siri jelajah Kembara Rasul IIC-MIS ini dijangka akan diteruskan di beberapa lokasi lain di Sarawak untuk menyampaikan naratif dan keagungan peristiwa Isra' dan Mikraj kepada khalayak yang lebih luas.





MAJLIS ISLAM SARAWAK

**IMBAS KOD QR UNTUK MENDAPATKAN E-BULETIN
ASSALAM MAJLIS ISLAM SARAWAK EDARAN TAHUN 2024:**

**IMBAS
KOD QR:**

